



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
GARIS PANDUAN PERMOHONAN BAHARU LESEN KENDERAAN
PELANCONGAN (BAS PERSIARAN & KERETA SEWA DAN
PANDU) BAGI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN

1. TAFSIRAN

1.1. Kenderaan pelancongan:

Sesuatu bas persiaran atau kereta sewa dan pandu.

1.2. Bas Persiaran:

Bas yang digunakan secara eksklusif untuk membawa pelancong dan sebagai balasan bagi suatu bayaran yang tiada peringkat tambang.

1.3. Kereta sewa dan pandu:

Kenderaan motor yang disewakan bagi maksud dipandu oleh penyewa atau penamanya sama ada seorang pelancong atau bukan pelancong dan digunakan secara eksklusif untuk membawa pelancong atau pelancong-pelancong.

2. JENIS DAN KAPASITI PENUMPANG KENDERAAN PELANCONGAN

JENIS KENDERAAN	KAPASITI
Bas Persiaran	8 - 16 Penumpang
	17 - 26 Penumpang
	27 - 40 Penumpang
	41 - 44 Penumpang
	45 Penumpang ke atas
Kereta Sewa Dan Pandu	5-10 penumpang

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

3.1. Syarikat hendaklah mempunyai lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*) di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] yang sah semasa permohonan.

3.2. Syarikat yang mempunyai pegangan saham syarikat asing dengan ekuiti melebihi 51% tidak dibenarkan memiliki lesen Kenderaan Pelancongan.

3.3. Syarikat perlu menyediakan kemudahan tempat letak parkir kenderaan/depoh kenderaan yang bersesuaian kepada semua kenderaan yang telah di lesenkan.

- Nota: Pengecualian tempat letak parkir kenderaan atau depoh kenderaan diberikan kepada syarikat yang memiliki tidak melebihi 10 unit kenderaan bagi kategori **Kereta Sewa Dan Pandu** dan **Bas Persiaran** yang mempunyai kapasiti antara 8-16 penumpang

3.4. Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta 482 dan Seksyen 7 Akta 594, tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan), dan tiada tunggakan pembayaran “award” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

3.5. Had usia kenderaan pelancongan yang dibenarkan untuk dilesenkan adalah seperti berikut:

Bas Persiaran	Kereta Sewa Dan Pandu
1. Tempoh tidak melebihi 15 tahun dari tempoh pendaftaran.	1. Tujuh (7) tahun untuk 1,800cc ke bawah.
2. Walau bagaimanapun, pembaharuan lesen kenderaan bagi tahun ke 14 dan 15 perlulah bebas daripada sebarang salah laku undang-undang dan lulus ujian pemeriksaan PUSPAKOM.	2. Sembilan (9) tahun untuk 2,000cc ke atas.
	3. 10 tahun untuk pacuan empat roda.

Nota:

- Bagi **kenderaan import terpakai**, usia kenderaan dikira berdasarkan tahun diperbuat (rujuk salinan sijil perakuan pemilikan kenderaan dari JPJ).
- Bagi **kenderaan pemasangan tempatan**, usia kenderaan dikira berdasarkan tarikh didaftarkan dengan pihak JPJ.

4. DOKUMEN SOKONGAN

4.1. Salinan e-info SSM yang terkini.

4.2. Salinan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*).

- 4.3. Salinan penyata akaun bank rasmi syarikat bagi tempoh tiga (3) bulan terkini.
- 4.4. Sebut harga kenderaan atau sijil pemilikan kenderaan.
- 4.5. Dokumen pembuktian kemudahan tempat letak kenderaan/depoh kenderaan seperti perjanjian sewa tanah/geran (tanah persendirian)/surat kebenaran (daripada mana-mana pihak yang berkenaan).

5. TATACARA PERMOHONAN

- 5.1. Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui sistem Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST) di laman sesawang www.tourlist.gov.my.
- 5.2. Semua dokumen seperti dinyatakan di perenggan 4 hendaklah dimuatnaik ke dalam TOURLIST.
- 5.3. Permohonan yang tidak lengkap akan dikuiiri dan pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan yang ditetapkan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh kuiiri berkenaan. Sekiranya gagal mengemukakan dokumen dalam tempoh ditetapkan, permohonan adalah terbatal.

6. FI MEMPROSES

Fi memproses sebanyak **RM50.00** dikenakan bagi permohonan yang dikemukakan. Bayaran boleh dibuat dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau secara dalam talian di www.tourlist.gov.my.

Nota:

Bagi permohonan yang melibatkan Lesen Kereta Sewa Dan Pandu (KSP) dan Bas Persiaran (BP), fi pemprosesan hendaklah dibayar secara berasingan walaupun dikemukakan dalam satu permohonan.

7. KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 7.1. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui **TOURLIST** atau dihantar melalui e-mel.
- 7.2. Kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan tertakluk kepada keputusan seperti berikut: (Seksyen 6, Akta 594)
 - (a) Meluluskan permohonan bilangan kenderaan bagi kesemuanya atau sebahagiannya; atau

- (b) Meluluskan lesen bagi kelas kenderaan yang berlainan daripada yang dimohon oleh syarikat berdasarkan ketetapan garis panduan jenis kenderaan dan kapasiti kenderaan pelancongan; atau
- (c) Menolak permohonan.

7.3. **Bagi permohonan yang DILULUSKAN:**

- (a) Surat kelulusan bersyarat beserta borang spesifikasi kenderaan boleh dimuat turun melalui TOURLIST.
- (b) Tempoh sah laku surat kelulusan bersyarat adalah satu tahun daripada tarikh kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan.
- (c) Dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan, syarikat dikehendaki mendaftarkan kenderaan dengan pihak JPJ dan membuat pemeriksaan PUSPAKOM dan memuatnaik dokumen berkaitan di dalam TOURLIST untuk pengeluaran lesen. Kegagalan mematuhi syarat ini akan menyebabkan kelulusan terbatal secara automatik.
- (d) Dokumen yang diperlukan bagi pengeluaran lesen:
 - i. Borang spesifikasi kenderaan (Salinan MOTAC) yang telah lengkap diisi oleh JPJ;
 - ii. Laporan pemeriksaan PUSPAKOM;
 - iii. Salinan sijil pemilikan kenderaan (JPJ); dan
 - iv. Salinan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*).

7.4. **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:**

Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara atas talian melalui www.tourlist.gov.my dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan lesen dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad.

8. FI LESEN

8.1. Fi lesen hendaklah dikemukakan apabila permohonan daftar kenderaan diluluskan dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara dalam talian di www.tourlist.gov.my.

8.2. Fi Lesen adalah seperti berikut:

JENIS KENDERAAN	FI LESEN (RM)
Bas Persiaran	60.00 setahun / unit
Kereta Sewa Dan Pandu	40.00 setahun / unit

9. CETAKAN LESEN

Cetakan lesen boleh dilakukan secara atas talian melalui **TOURLIST** setelah pembayaran fi lesen dilakukan. Cetakan lesen MOTAC Negeri melalui emel.

10. PIAGAM PELANGGAN

10.1. Pemprosesan permohonan di Pejabat MOTAC Negeri:

7 hari bekerja dari permohonan lengkap, teratur dan sempurna oleh syarikat tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat, dasar serta prinsip yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini untuk dikemukakan ke Ibu Pejabat Putrajaya.

10.2. Pemakluman keputusan permohonan dengan bersyarat:

5 hari bekerja dari tarikh dokumen Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen diperakukan.

11. SYARAT DAN TERMA LESEN

11.1. Tempoh sahlaku lesen adalah berdasarkan tempoh sah lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) atau tidak melebihi tiga (3) tahun atau berdasarkan had usia kenderaan (yang mana dahulu).

11.2. Pemohon boleh memegang dua lesen atau lebih, sama ada daripada kelas kenderaan yang sama atau kelas kenderaan yang berlainan.

11.3. Lesen hendaklah dipamerkan pada cermin depan sebelah kiri kenderaan pada setiap masa.

11.4. Kenderaan pelancongan hendaklah mempunyai perlindungan insurans termasuklah liabiliti penumpang.

11.5. Bas persiaran hendaklah menggunakan perkhidmatan pemandu pelancong yang dilesenkan oleh MOTAC melainkan pengecualian telah diberikan oleh MOTAC.

12. PERINGATAN

Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 594 jika dia berpuashati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana – mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

13. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2025.